KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	14/1/2022 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			



BANGKAI seekor buaya tembaga yang diemui di Pantai Cermin, Port Dickson semalam.

Bangkai buaya ditemui di pantai Port Dickson

PORT DICKSON – Bangkai seekor buaya tembaga seberat kira-kira 100 kilogram (kg) ditemukan di Pantai Cermin di sini pagi semalam.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Sembilan, Nurul Ermi Ramli berkata, buaya jantan sepanjang dua meter itu dianggarkan sudah mati satu atau dua hari lalu berdasarkan keadaan bangkai yang dipenuhi lalat.

Menurutnya, penemuan bangkai buaya berkenaan dimaklumkan kepada pihaknya pada pukul 9 pagi selepas menerima maklumat daripada Majlis Perbandaran Port Dickson.

"Sepasukan anggota Perhilitan dibantu pegawai dari pejabat Pusat Pendidikan Biodiversiti (PPBD) Tanjung Tuan, Melaka telah digerakkan ke lokasi untuk tindakan selanjutnya.

"Bangkai buaya tersebut kemudian dibawa ke pejabat Perhilitan negeri untuk proses bedah siasat termasuk mengenal pasti punca kematian," katanya.